



BAHASA MELAYU

KERTAS 1

BAHAGIAN A

Pendahuluan

Kebaikan amalan menabung dalam kalangan masyarakat tidak dapat disangkal lagi. Hal ini demikian kerana kehidupan rakyat Malaysia dilihat kian terbeban dengan kos hidup yang meningkat. Masyarakat dilihat kurang memberi respon yang baik atau tidak berminat terhadap amalan menabung walaupun kaedah menabung masa kini adalah selamat dan terjamin berbanding masa lalu.

Cadangan Isi-isi Penting

- **Dapat digunakan sewaktu kecemasan**
 - hasil tinjauan Kestabilan Kewangan Separuh Pertama 2022 – 27 peratus rakyat bekerja, sangat bimbang dengan keupayaan untuk membiayai perbelanjaan hidup pada hari tua dan 69 peratus lebih suka berbelanja berbanding menyimpan
 - menimbulkan masalah sekiranya berlakunya kecemasan seperti kemalangan, kematian dan kebakaran
 - sediakan payung sebelum hujan
- **Dapat menampung perbelanjaan pada hari persaraan**
 - 71 peratus pencarum KWSP tidak cukup wang untuk bersara
 - memerlukan perancangan untuk perbelanjaan pada masa hadapan melalui amalan menabung
 - sudah terhantuk baru terngadah
- **Dapat menyambut perayaan dengan sempurna**
 - berdasarkan Jadual Anggaran Perbelanjaan Menyambut Aidilfitri (berdasarkan lima orang sekeluarga) berjumlah RM4 100
 - dengan tabungan kita dapat menampung jumlah perbelanjaan tersebut
 - beringat sebelum kena, berjimat sebelum habis

Kesimpulan

Amalan menabung mempunyai banyak kepentingan untuk seorang individu dan keluarga kerana menabung akan memberi manfaat pada jangka masa panjang khususnya. Galakani amalan menabung mesti diwujudkan agar lebih ramai orang yang menyedari kepentingan amalan ini.

BAHAGIAN B

Soalan 1

Pendahuluan

Dalam usaha mengejar kemajuan negara dan meningkatkan taraf hidup, projek-projek pembangunan sesebuah negara sukar untuk dielakkan. Banyak pihak sering mengabaikan masalah-masalah alam sekitar yang timbul akibat pelaksanaan aktiviti ekonomi dan projek pembangunan.

Cadangan Isi-isi Penting

- **Meningkatkan pemantauan terhadap peneroka tanah dan hutan**
 - memastikan masalah penerokaan tanah secara haram dapat dikesan
 - pemantauan secara lebih kerap dan berterusan – bagi mengelakkan pencemaran alam sekitar
 - pihak berkuasa (Jabatan Alam Sekitar, Jabatan Perhutanan dan Pihak Berkuasa Tempatan) contoh penerokaan tanah tanpa kawalan yang dilakukan berhampiran Tasik Chini seolah-olah tiada zon penampunan seperti yang lazimnya ditetapkan
 - mencegah lebih baik daripada mengubati
- **Mengenakan hukuman yang lebih berat terhadap pesalah/penceroboh tanah dan hutan**
 - dapat memberikan pengajaran kepada semua pihak
 - mengenakan denda yang tinggi, penjara dan menyita hasil dan barangan rampasan
 - denda RM500 000.00 – RM1, 000 000.00, penjara 15 – 20 tahun, kenderaan, peralatan dan premis
 - bangkai gajah tidak dapat ditutup dengan nyiru
- **Masyarakat/orang awam membuat aduan tentang aktiviti penerokaan tanah dan hutan secara haram**
 - masyarakat berperanan sebagai mata dan telinga pihak berkuasa
 - menghubungi pihak berkuasa
 - pihak polis, Pihak Berkuasa Tempatan dan pihak media
 - Polis dan Masyarakat Berpisah Tiada

Kesimpulan

Usaha membanteras kegiatan pembalakan haram di negara kita merupakan penglibatan semua pihak. Oleh itu, semua pihak harus berasa bertanggungjawab untuk menanganinya agar alam sekitar terus kekal dan tidak berubah-ubah.

Soalan 2

Pendahuluan

Masyarakat kita sering kali tersentak dengan berita tentang permasalahan sosial dan salah laku jenayah yang tidak berperikemanusiaan. Insiden yang meragut nyawa dan merosakkan segelintir masyarakat kita ini wajar dibendung supaya tidak membarah kepada generasi akan datang.

Cadangan Isi-isi Penting

- **Ibu bapa menjadi suri teladan/ccontoh kepada anak-anak**
 - mereka paling rapat dengan anak-anak
 - menghormati orang yang lebih tua dan masyarakat – datuk, nenek dan jiran
 - mengelakkan masalah keruntuhan akhlak baik golongan remaja mahupun dewasa
 - bagaimana acuan begitulah kuihnya
- **Pihak sekolah menerapkan pembentukan akhlak terpuji dalam pengajaran dan pembelajaran**
 - guru berupaya menerapkan nilai murni dalam pendidikan di sekolah
 - melalui akademik dan kokurikulum
 - guru menyemai nilai murni seperti bekerjasama, bertolak ansur dan berbudi bahasa
 - Budi Bahasa Budaya Kita

- **Masyarakat melaporkan masalah keruntuhan akhlak kepada pihak berkuasa**
 - kerana akhlak semakin dipinggirkan oleh masyarakat
 - menghubungi pihak berkuasa – polis, SPRM
 - kes-kes salah laku seperti penipuan, rasuah dan salah guna kuasa dapat dikurangkan
 - sebelum nasi menjadi bubur

Kesimpulan

Terdapat banyak langkah yang boleh dilaksanakan untuk membentuk akhlak mulia terpuji pada setiap lapisan umur masyarakat di dunia.

Soalan 3

Pendahuluan

Alam pekerjaan merupakan suatu fasa dalam kehidupan yang semua manusia akan tempuh demi mencari pendapatan. Pendapatan digunakan untuk menyara kehidupan diri, keluarga dan menyumbang kepada kemajuan ekonomi negara dan juga agama.

Cadangan Isi-isi Penting

- **Kelayakan akademik**
 - menentukan kerjaya pilihan
 - belajar sehingga memperoleh sijil, diploma atau ijazah
 - kelayakan untuk kerjaya sebagai doktor – mendapat cemerlang dalam
 - subjek Biologi, Kimia dan Matematik Tambahan
 - usaha tangga kejayaan
- **Kemahiran komunikasi**
 - sentiasa berinteraksi dengan orang ramai yang mempunyai pelbagai latar belakang
 - mempraktikkan cara berkomunikasi yang berkesan dalam kehidupan seharian
 - urusan seharian berjalan dengan lancar
 - di mana ada kemahuan, di situ ada jalan
- **Kemahiran ICT**
 - boleh menceburi bidang baharu seperti perniagaan berasaskan kecanggihan teknologi
 - mendapatkan kemahiran melalui pelbagai sumber (sekolah & IPT) seperti Internet dan digital yang menjanjikan pendapatan lebih lumayan berbanding dengan makan gaji
 - hendak seribu daya, tak hendak seribu dalih

Kesimpulan

Pelbagai langkah yang boleh diambil sebagai persediaan sebelum menempuh alam pekerjaan. Persediaan yang mapan haruslah dimulakan dengan awal agar tidak mengalami kejutan budaya yang akan memakan diri di masa hadapan.

Soalan 4

Pendahuluan

Sastera tradisional seperti pantun, syair, gurindam, seloka, dan cerita rakyat kurang diminati oleh anggota masyarakat. Masyarakat tidak lagi mengambil berat akan sastera tradisional yang dimulakan oleh generasi dahulu. Khazanah sastera ini telah menjadi luntur dan kian dilupakan. Jikalau keadaan ini berterusan, segala sastera tradisional akan lenyap ditelan zaman.

Cadangan Isi-isi Penting

- **Pihak kerajaan menganjurkan pertandingan/sayembara sastera**
 - sastera masih berada di tempat terpinggir dalam agenda pembangunan nasional
 - agensi kerajaan bekerjasama dengan pihak sekolah dalam pertandingan berasaskan karya sastera
 - pertandingan deklamasi sajak, menulis cerpen dan pementasan drama
 - bagai aur dengan tebing

- **KPM menerapkan KOMSAS sejak sekolah rendah**

- memupuk minat murid-murid terhadap karya sastera
- memberikan pendedahan awal dalam bidang dan kokurikulum
- murid dapat menunjukkan minat dan mengasah bakat dalam aktiviti kesusasteraan
- melentur buluh biarlah dari rebungunya

- **Ibu bapa memberikan galakan anak-anak membaca karya sastera**

- minat dan kecenderungan dapat ditingkatkan
- menyediakan bahan bacaan, sumber rujukan dan tenaga pengajar
- anak-anak menjadikan Sasterawan Negara sebagai contoh atau ikutan seperti Usman Awang dan A. Samad Said
- tak kenal maka tak cinta

Kesimpulan

Setiap pihak harus menjalankan tanggungjawabnya dengan penuh tekun, gigih, dedikasi, dan berdaya maju supaya matlamat dapat dicapai seperti yang diharapkan. Sastera tradisional ini harus dipelihara dalam setiap generasi akan datang supaya karya-karya generasi dahulu tidak menjadi sia-sia.

KERTAS 2

BAHAGIAN A

- 1 (i) baik
Contoh ayat: Sudin kanak-kanak yang baik dan rajin belajar.
 - (ii) mudah
Contoh ayat: Nenek mudah tersinggung dan berkecil hati dengan kata-kata anaknya.
 - (iii) positif
Contoh ayat: Kita haruslah berfikiran positif dalam kehidupan seharian.
 - (iv) menarik
Contoh ayat: Peraduan itu menawarkan hadiah yang lumayan dan menarik kepada pemenang.
- 2 (i) Patriotisme dikaitkan dengan semangat kecintaan untuk negara.
 - (ii) Patriotisme dikaitkan dengan semangat pengorbanan untuk negara.
 - (iii) Semangat cinta akan negara ini perlu disemai.
 - (iv) Semangat cinta akan negara ini melahirkan remaja berwawasan.
 - (v) Semangat itu tidak hadir sendiri tanpa memahami sejarah negara secara jelas.
 - (vi) Semangat itu perlu sentiasa dipelajari dari semasa ke semasa.

3 Petikan 1

- (i) melepas – melepaskan
- (ii) mereka lakukan – dilakukan oleh mereka
- (iii) terbaik sekali – terbaik/baik sekali
- (iv) merasa – merasai
- (v) maha siswa – mahasiswa
- (vi) dari – daripada
- (vii) berbagai – berbagai-bagai/pelbagai

Petikan 2

- (i) di – pada
- (ii) aku – saya
- (iii) membaca murid-murid – murid-murid membaca
- (iv) adakan – mengadakan
- (v) bicara – pendapat/pandangan
- (vi) menambah – menambahkan
- (vii) di dalam – dalam

4 Ibunya menceritakan segala hal dari awal hingga ke akhir kepada anaknya. Apabila Kertala Sari mendengar cerita ibunya itu, Kertala Sari sangat marah. “Ceh, Ratu Melaka dan Laksamana! Engkau akan mati kubunuh! Dengan sekelip mata negeri Melaka dapat aku binasakan. Sekiranya aku tidak berbuat demikian, aku bukanlah anak seorang pejuang yang berani dan cerdik.”

- 5
- (i) ikut hati mati, ikut rasa binasa
 - (ii) malang tidak (tak) berbau/geruh tak berbunyi
 - (iii) ukur baju di badan sendiri
 - (iv) sesal dahulu pendapatan, sesal kemudian tidak berguna/sudah terhantuk baru terngadah/sudah kalah baru berkubu

BAHAGIAN B

- 6
- (i) banyak/berbagai-bagai manfaat/kebaikan/keistimewaan
 - (ii) – (Bahan 1) bahan penyedap dalam masakan – (Bahan 1) tujuan perubatan terutamanya dalam kaedah perubatan tradisional – (Bahan 2) mengatasi penyakit jantung/darah tinggi/kolesterol yang berlebihan
 - (iii) – kempen/promosi/pengiklanan/hebahan tentang kebaikan tanaman herba
 - memberi bantuan modal/bantuan kewangan
 - membuat penyelidikan dan pembangunan (R&D)
 - mewujudkan jaringan pasaran
 - memperoleh sijil halal
 - memperoleh pengiktirafan pelbagai pihak
 - (iv) – melanjutkan pelajaran dalam bidang yang berkaitan
 - menyertai kursus/latihan kemahiran
 - membuat blog/iklan melalui media sosial
 - menjalankan perniagaan dalam talian
 - mempelbagaikan produk berasaskan herba
 - mendapatkan bimbingan daripada agensi berkaitan
 - menjalinkan kerjasama dengan pengusaha produk yang sama
- 7
- (i) dijaga/dibela maruahnya/kedudukannya/darjatnya
 - (ii) – bahasa itu maruah bangsa (Bahan 1)
 - agar tetap kukuh dan ampuh (Bahan 1)
 - itulah sahaja warisan kita yang tinggal (Bahan 2)
 - bahasa jiwa bangsa (Bahan 2)
 - bangsa yang bijak tidak akan membuang bahasanya (Bahan 2)
 - jika negara ingin maju (Bahan 3)
 - bahasa Melayu bahasa penyatu (Bahan 3)
 - (iii) – persaingan dengan bahasa Inggeris
 - kewujudan pelbagai aliran sekolah
 - kurang jati diri
 - kurang sokongan daripada ibu bapa
 - penggunaan bahasa rojak
 - pengaruh media massa
 - majikan meletakkan syarat mahir dalam berbahasa Inggeris/bahasa lain
 - (iv) – berbual dengan menggunakan bahasa Melayu yang betul
 - membelikan buku-buku bahasa Melayu
 - mencarikan guru bahasa Melayu
 - mengajaknya/membawanya menyertai program/seminar/bengkel bahasa Melayu
 - mengajaknya tinggal di Malaysia
 - memintanya menghadiri kelas intensif bahasa Melayu

- 8 (i) Kampung Seri Purnama dikatakan tidak terlalu mundur kerana
- lampu kuning juga dipasang berselang tiga tiang elektrik
 - jalannya sudah diturap
 - lengkap dengan sekolah, balai raya dan klinik desa
 - ada sebuah bangunan yang dijadikan pusat komoditi pertanian

(ii) Peristiwa-peristiwa yang tidak dapat dilupakan:

(a) Leftenan Adnan Wira Bangsa, Abdul Latip Talib

- Peristiwa Pak Saidi setiap pagi menghantar Adnan ke sekolah Ingeris. Namun orang kampung menentanginya kerana menganggap Pak Saidi murtad. Pak Saidi tidak menghiraukan kata-kata orang kampung dan tetap menghantar anaknya ke sekolah Ingeris. Peristiwa ini tidak dapat dilupakan kerana Pak Saidi seorang yang berpendirian teguh dan berpandangan jauh. Dia ingin memberikan pendidikan terbaik kepada anaknya.
- Peristiwa Adnan dan rakan-rakannya telah berjaya menamatkan latihan ketenteraan di Port Dickson. Selain itu, Adnan pula telah dinobatkan sebagai rekrut terbaik. Peristiwa ini tidak dapat dilupakan kerana latihan ketenteraan sangatlah mencabar, namun Adnan dan rakan-rakan berjaya melepaskannya.

(b) Di Sebalik Dinara, karya Dayang Noor

- Peristiwa Azraai yang memasang *retinal scanner* di pintu apartmen rumah Farisha bagi memastikan keselamatan adiknya terjamin. Peristiwa ini tidak dapat dilupakan kerana jelas menunjukkan Azraai merupakan seorang abang yang sangat bertanggungjawab dan sentiasa mengambil berat tentang keselamatan adiknya itu.
- Peristiwa Farisha menerima tawaran daripada Syarikat Soft Lab sebanyak 1.5 juta bagi menggodam Sistem Dinara yang dimasuki virus. Peristiwa ini tidak dapat dilupakan kerana Farisha sangat bertuah dan rezekinya sangat murah kerana mendapat tawaran yang sangat lumayan dalam masa yang singkat.

(c) Jendela Menghadap Jalan, karya Ruhaini Matdarin

- Peristiwa datuk menggunakan herba dan akar kayu untuk membantu penduduk kampung mengubati penyakit mereka seperti kencing manis, gout dan darah tinggi. Peristiwa ini tidak dapat dilupakan kerana datuk dapat membantu Letchumi, William Ng dan Kak Mimah merawat penyakit mereka menggunakan rawatan secara tradisional.
- Peristiwa Lili bersama-sama rakannya dapat menyelesaikan isu kubah di kampung datuknya kerana terdapat pelbagai pendapat yang dikemukakan oleh penduduk kampung berkaitan isu kubah ini. Peristiwa ini tidak dapat dilupakan kerana akhirnya penduduk kampung menerima pendapat mereka supaya kubah itu diletakkan di atas masjid yang akan dibina nanti.

(d) Pantai Kasih karya Azmah Nordin

- Peristiwa Dr. Sadiz tidak mahu Dr. Raiha melahirkan anak mereka kerana didapati bayi dalam kandungan sindrom down. Dia telah memaksa Dr. Raiha menggugurkan kandungannya. Namun, Dr Raiha tidak menggugurkannya. Peristiwa ini tidak dapat dilupakan kerana Dr. Raiha tegas tidak mahu menggugurkan kandungannya.
- Peristiwa Felicia menangis dan meminta maaf kepada Dr. Raiha di garaj kereta Pusat Rawatan Pantai Kasih. Dia mengaku bersubahat dengan kes kematian Rohayu. Dr. Raiha reda dengan perkara yang terjadi dan memaafkan kesalahan Felicia. Peristiwa ini tidak dapat dilupakan kerana Felicia mengakui kesalahan sendiri dan memohon kemaafan.

(e) Songket Berbenang Emas, karya Khairuddin Ayip

- Peristiwa Saleha kembali sembuh setelah mendapat rawatan di Hospital Permai untuk penyakit kemurungannya. Peristiwa ini tidak dapat dilupakan kerana Saleha dapat kembali ke rumah dan sihat seperti sedia kala setelah mendapat rawatan. Dahlia sudah boleh belajar untuk menghadapi peperiksaan STPMnya.
- Peristiwa penduduk kampung bekerjasama membina semula rumah Embong yang musnah dihanyutkan oleh banjir besar. Peristiwa ini tidak dapat dilupakan kerana sikap penduduk kampung telah berubah dengan membuang sikap negatif dan mementingkan diri kepada sikap yang lebih baik.

(f) Tirani, karya Beb Sabariah

- Peristiwa Waheeda memenangi pertandingan Ratu Pelancongan Antarabangsa. Dalam pertandingan ini, Waheeda mengenakan busana Melayu asli. Peristiwa ini tidak dapat dilupakan kerana Waheeda berjaya mencapai impiannya untuk menjadi wanita yang cantik. Dia melalui zaman kanak-kanak yang kurang menyenangkan kerana sering diejek oleh kanak-kanak lain akibat berwajah tidak menarik.
- Peristiwa Waheeda ditemani keluarganya untuk mendapatkan rawatan kemurungan di Pusat Rawatan Islam. Peristiwa ini tidak dapat dilupakan kerana tindakan Waheeda mendapatkan rawatan menunjukkan beliau seorang wanita yang cekal dan tabah. Beliau tidak mudah berputus asa apabila berdepan dengan masalah.

(g) Bimasakti Menari, karya Sri Rahayu Mohd Yusof

- Peristiwa kunjungan pelajar Jepun ke Balai Cerap Sultan Salahudin seramai 15 orang pelajar dan tiga orang pengiring untuk melihat buruj Orion. Nurul Hafsa telah melayan dengan baik pengunjung daripada Jepun itu. Peristiwa ini tidak dapat dilupakan kerana pelajar daripada luar negara sudi datang ke Balai Cerap Sultan Salahudin demi melihat buruj Orion.
- Peristiwa yang berlaku di Masjid Jamek Sultan Ibrahim. Taufik telah menghadihkan selendang hitam berhias manik kristal kepada Nurul Hafsa serta melamarnya. Peristiwa ini tidak dapat dilupakan kerana akhirnya Taufik meluahkan perasaan kepada Nurul Hasfa dan melamarnya.

(h) Silir Daksina, karya Nizar Parman

- Peristiwa Ai Ling yang berjaya menjadi johan dalam pertandingan mendeklamasi sajak bahasa Melayu sempena Minggu Bahasa Melayu di sekolahnya. Peristiwa ini tidak dapat dilupakan kerana Ai Ling merupakan gadis berbangsa Cina tetapi dapat mendeklamasi sajak dengan baik, walaupun dia mempunyai masalah dalam pernafasan.
- Peristiwa umi, walid dan adik tiri Haiqal telah datang ke kampung Seri Purnama dan melihat Haiqal yang sedang membuat persembahan tarian zapin di balai raya. Peristiwa ini tidak dapat dilupakan kerana akhirnya umi berlembut hati dan menerima kemahuan Haiqal yang cenderung dalam bidang sastera seperti arwah ayahnya.

BAHAGIAN C

9 Pendahuluan

Rumusan/Petikan ini membincangkan punca-punca/sebab-sebab/faktor-faktor peningkatan gejala buli dalam kalangan murid di sekolah.

Isi Tersurat

Fokus 1 : Punca-punca peningkatan gejala buli dalam kalangan murid di sekolah

Bahan 1

- berhubung kait dengan tingkah laku gengsterisme
- pengaruh negatif daripada rakan sebaya
- penderaan dan pengalaman traumatik yang dihadapi dalam persekitaran sosial kanak-kanak
- penyalahgunaan dadah
- disiplin yang tidak konsisten dalam persekitaran sosial kanak-kanak
- pengaruh media
- kurangnya kawalan dan sikap ambil tahu ibu bapa mengenai aktiviti alam siber
- kegagalan ibu bapa melaksanakan tanggungjawab terhadap anak-anak
- kekurangan pengawasan dan kawalan disiplin yang longgar di sekolah

Fokus 2 : Usaha-usaha mengurangkan gejala buli di sekolah

Bahan 1

- program-program motivasi yang diadakan di sekolah sedikit sebanyak mampu memberi kesedaran kepada murid
- kerjasama erat daripada ibu bapa, Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) serta pihak polis diharapkan mampu mengawal gejala buli ini

Bahan 2

- guru mata pelajaran perlu menerapkan nilai-nilai murni sepanjang sesi pembelajaran di dalam bilik darjah
- pengawas sekolah perlu membuat aduan kepada guru disiplin
- tindakan disiplin dan amaran akan dikenakan jika murid melakukan buli

Kesimpulan

Kesimpulannya, pihak sekolah perlu mengatasi gejala buli agar dapat membentuk disiplin dalam diri murid/sahsiah diri.